

KEPERLUAN DAN CABARAN DAKWAH DI SARAWAK: SUATU ANALISIS KUALITATIF DARI PERSPEKTIF AKTIVIS NGO ISLAM

*The Needs and Challenges of Dakwah in Sarawak: A Qualitative
Analysis from the Perspective of Islamic NGO Activists*

Mohammed Rasheedan bin Ellin^{①1}, Mohd. Khairol bin Jambli², Siti Hazariah
binti Abdul Hamid³, Fazmawati binti Othman⁴

¹ Universiti Malaysia Sarawak, Persatuan Saudara Muslim Sarawak
Corresponding author: emrasheedan@unimas.my

² Universiti Teknologi Mara Kampus Sarawak

³ Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

⁴ Persatuan Saudara Muslim Sarawak

ABSTRAK

Dalam masyarakat pelbagai etnik seperti Sarawak, penting bagi sesebuah gerakan dakwah untuk memahami persepsi dan pandangan aktivis mereka terhadap persekitaran dakwah. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual bersemuka terhadap lapan orang aktivis NGO, kemudian dianalisis secara tematik menggunakan aplikasi ATLAS.ti. Identiti responden dirahsiakan menggunakan nama samaran. Tema utama yang diperolehi merangkumi penghayatan Islam oleh mualaf di Sarawak, cabaran yang dihadapi oleh aktivis NGO dalam dakwah, dan keperluan untuk menyokong penyampaian dakwah yang berkesan di Sarawak. Analisis menunjukkan bahawa persediaan yang baik dari segi motivasi, kemahiran komunikasi, perancangan, dan penguasaan media adalah penting bagi keberkesanan dakwah. Implikasi ini mempengaruhi strategi persediaan dan pelaksanaan dakwah di Sarawak.

KATA KUNCI:

*NGO Dakwah,
Mualaf, Sarawak,
Islam, Daie*

Received: April 4, 2024

Accepted: August 9, 2024

Published Oct 30, 2024

ABSTRACT

In a multi-ethnic society like Sarawak, understanding the perceptions and views of dakwah activists is crucial for an effective dakwah movement. This study employs face-to-face interviews with nine NGO activists, which were recorded, transcribed verbatim, and analyzed thematically using the Atlas.TI software. Respondents are anonymized through pseudonyms. The main themes identified include the appreciation of Islam among converts in Sarawak, the challenges faced by NGO activists in dakwah, and the need for supportive measures to enhance dakwah delivery in Sarawak. The analysis highlights that effective dakwah requires thorough preparation, including motivation, communication skills, strategic planning, and proficiency in media use. These findings have significant implications for shaping the preparation and implementation strategies of dakwah in Sarawak.

KEYWORDS:

Dakwah NGO, Reverts, Sarawak, Islam, Daie

1.0 Pendahuluan

Mualaf di Sarawak terdiri daripada pelbagai latar belakang etnik, budaya, nilai, keturunan dan agama asal. Apabila mereka memeluk Islam, kepelbagaian ini perlu disatukan atas nama bimbingan Islam yang satu. Bimbingan agama amatlah menjadi keperluan buat golongan mualaf. Bimbingan Islam bermula dari pengenalan Islam, penghayatan Islam dan akhlak Islam perlu diterapkan kepada semua golongan mualaf untuk memandu mereka ke arah pelaksanaan Islam sejati dalam hidup mereka. Walaupun tiada data rasmi mengenai jumlah permohonan untuk keluar Islam di Sarawak, pada tahun 2018 Mahkamah Persekutuan di Kuching digemparkan dengan permohonan empat individu yang ingin keluar Islam (Goh, 2018).

Salah satu faktor yang menyebabkan tindakan tersebut adalah kurangnya bimbingan dan perhatian yang diberikan oleh orang Islam sendiri (Kawi & Abdullah, 2020). Kajian-kajian sebelum ini menunjukkan tahap penguasaan agama dalam kalangan masyarakat mualaf di Sarawak adalah rendah (Tamuri, 2021). Begitu juga dengan penemuan kajian yang dijalankan oleh (Jaffar & Awang, 2020) yang mengemukakan bahawa tahap pengamalan perkara asas fardu ain dalam kalangan mualaf di Sarawak amat rendah. Melihatkan kepada status kehidupan sebagai seorang mualaf yang mencabar, kajian ini akan menyoroti pengalaman dan pandangan berkaitan cabaran dan keperluan orang Islam terutama mualaf di Sarawak. Kajian ini boleh membantu mengidentifikasi kekurangan dalam bimbingan yang diberikan kepada mualaf. Dengan data yang lebih terperinci tentang keperluan dan cabaran mereka, pihak berkuasa agama dapat merancang intervensi yang lebih berkesan untuk menangani isu-isu seperti rendahnya tahap penguasaan agama.

2.0 Metodologi

Penyelidikan ini telah menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya dalam pengumpulan data. Sesi temu bual secara bersemuka dan mendalam telah dijalankan bersama lapan orang responden daripada badan bukan kerajaan (NGO) berkait dakwah di beberapa kawasan dalam negeri Sarawak, antaranya Kuching, Samarahan, Petra Jaya, Bintulu dan Miri. Pemilihan responden adalah secara konvenien iaitu melalui jemputan bertulis kepada NGO Islam yang berada di Sarawak. Responden yang dipilih adalah aktivis yang telah mempunyai pengalaman lebih daripada 10 tahun dalam amal dakwah di Sarawak. Data diperolehi dengan mengadakan sesi temu bual bersemuka berpandukan panduan temu bual yang telah diperhalusi untuk mencapai objektif kajian. Sesi temu bual tersebut dirakam dan kemudiannya ditulis secara verbatim untuk proses analisis. Analisis tematik telah dijalankan terhadap manuskrip yang telah melalui proses pengkodan secara sistematik menggunakan aplikasi ATLAS.ti. Nama responden dirahsiakan dan menggunakan nama samaran dalam penyampaian laporan penyelidikan ini.

3.0 Dapatan Kajian

Seramai lapan orang aktivis NGO Islam di Sarawak telah ditemu bual untuk mendapatkan maklumat daripada perspektif mereka (Jadual 1). Mengikut jantina, enam orang responden lelaki dan dua orang responden perempuan. Mengikut data, kesemua aktivis NGO yang telah ditemu bual adalah dari golongan profesional. Manakala julat normal umur responden adalah dari 29 hingga 37 tahun. Hanya seorang responden yang berumur lebih dari 40 tahun.

Jadual 1: Kriteria Responden

Nama	Umur, Jantina	Pekerjaan	Pengalaman bersama NGO (tahun)	Kawasan
Syahrul	37, Lelaki	Jurutera	17	Bintulu
Mazri	31, Lelaki	Pegawai Islam	11	Miri
Khairudin	49, Lelaki	Doktor	29	Kuching
Atiq	36, Lelaki	Arkitek	16	Petra Jaya
Azmi	31, Lelaki	Pengurus	11	Samarahan
Marcel	29, Lelaki	Doktor	9	Kuching
Alisha	35, Perempuan	Guru	15	Petra Jaya
Izara	31, Perempuan	Jurutera perisian	11	Kuching

Jadual 2: Rumusan hasil dapatan berdasarkan tema

Tema	Penemuan utama
Penghayatan Islam oleh orang Islam di Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> Penghayatan yang rendah menyebabkan toleransi terhadap agama lain menjadi keterlaluan Penghayatan yang rendah disebabkan pengisian keagamaan yang kurang dan tidak konsisten
Cabaran Aktivis NGO dalam Menjalankan Aktiviti Dakwah di Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> Sumber kewangan yang terhad untuk menjalankan aktiviti Mencari niche dakwah dan tarikan orang muda Limitasi kreativiti untuk menarik minat belia Penguasaan bahasa yang lemah Ketegasan pemerintah terhadap isu-isu yang mempunyai kepentingan terhadap umat Islam
Keperluan untuk Membantu Penyampaian Dakwah Berkesan di Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> Pelatihan asatizah dan daie yang berfokus kepada muallaf Sumber kewangan untuk menyokong aktiviti dakwah Kehadiran pempengaruh untuk membawa naratif dakwah Islam dalam dunia media sosial Bengkel penghasilan modul mengikut lokaliti Kajian penduduk

3.1 Penghayatan Islam oleh orang Islam di Sarawak

Hasil temu bual dengan responden menunjukkan reaksi yang pelbagai terhadap penghayatan Islam oleh umat Islam di Sarawak. Secara kasar, responden memberikan pandangan bahawa penghayatan Islam dalam kalangan muallaf di Sarawak, terutamanya di kawasan pedalaman, masih berada pada tahap yang rendah dan perlu kepada bimbingan pendidikan yang lebih baik. Azmi, menerangkan bahawa penghayatan Islam di Sarawak masih rendah apabila beliau melihat pengamalan harian muallaf yang beliau santuni.

"Bagi saya, sesetengah mereka masih lemah... Mereka telah memeluk Islam, namun masih lagi mengamalkan perkara-perkara yang dilarang agama. Mungkin itu berbalik kepada niat asal mereka, dan sejauh mana mereka telah faham Islam"... - Azmi

Pendapat bahawa penghayatan agama Islam rendah ini selari dengan pendapat daripada Syahrul, di mana beliau menjelaskan dan mengaitkan penghayatan Islam dalam kalangan muslim di Sarawak adalah berpunca dari kurangnya program pendidikan secara berkala dan konsisten untuk menghidupkan nilai-nilai Islam dalam diri mereka.

"Secara umumnya lah ya, purata kefahaman dan penghayatan mualaf di Sarawak adalah masih rendah terutama dikalangan masyarakat luar bandar. Ini mungkin berlaku kerana kekurangan pengisian, kuliah dan ceramah agama yang diadakan secara berkala dan konsisten di kalangan masyarakat." - Syahrul

Ada juga yang memberikan contoh golongan mualaf kurang penghayatan agamanya, menjustifikasi daripada pemerhatian beliau kepada amalan umat Islam Sarawak dalam pemilihan produk halal-haram. Marcel, memeluk Islam ketika berumur 18 tahun, berkata sedemikian berdasarkan pemerhatian beliau.

"Mualaf, bahkan orang Islam sendiri pun masih kurang penghayatan terhadap Islam, saya nampaklah, kurang sensitiviti contoh berkenaan halal haram dan sensitiviti agama. Ada juga yang tidak mahu tambah ilmu dengan belajar pun..." - Marcel

Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa orang responden yang memberikan pandangan bahawa penghayatan Islam di Sarawak adalah lebih baik, menunjukkan peningkatan positif dan berkemajuan. Contohnya, Mazri melihat bahawa masyarakat Islam di Sarawak telah mula mendapat kesedaran untuk memahami Islam apabila beliau melihat kepada indikator semakin ramai umat Islam yang berminat menghadiri majlis ilmu. Beliau juga mengatakan golongan mualaf juga ramai yang menjadi pemimpin agama Islam, bahkan menjadi daie dan berdakwah kepada kaum mereka sendiri.

"Kini penghayatan Islam di Sarawak sudah mulai mendapat kesedaran dan pemahaman untuk memahami Islam semakin meningkat dari hari ke hari. Dari itu pendedahan demi pendedahan adalah perlu bagi membangunkan jati diri Islam. Melihat kepada masyarakat yang semakin hari semakin berminat dengan menghadiri majlis ilmu. Saya juga kagum dengan daie-daie USK (Urusetia Saudara Kita) yang memang aktif buat aktiviti dan kelas bimbingan..." - Mazri

Pemerhatian yang sama dikongsi oleh Izara.

"Apa yang saya perhatikan, sudah muncul golongan yang mencari-cari kebenaran dan berminat untuk mendalami Islam, tetapi penghayatan secara keseluruhan masih kurang mendalam. Dan... masih ramai yang cair identiti Islam... itu yang merisaukan saya..." - Izara, muka surat 2 baris 8

Pendapat ini selari dengan Khairudin yang membandingkan penghayatan umat Islam Sarawak pada hari ini adalah lebih baik dan berlaku anjakan perubahan. Dalam hal ini, Khairudin mengambil indikator permintaan kepada sekolah agama Islam di Sarawak semakin bertambah.

"Penghayatan di kalangan umat Islam di Sarawak agak baik dibandingkan dengan sebelum ini, permintaan terhadap sekolah agama rendah dan menengah semakin bertambah dan berlaku persaingan..." - Khairudin

3.2 Cabaran Aktivis NGO dalam Menjalankan Aktiviti Dakwah di Sarawak

Isu sumber tenaga dan kewangan dilaporkan oleh responden sebagai antara cabaran utama untuk dakwah di Sarawak berjalan dengan lancar. Khairudin contohnya, memberikan pandangan bahawa dalam memastikan usaha dakwah ini berjaya melawan *taghut*, sumber kewangan perlu kuat.

"Banyak cabarannya bagi saya, antara yang utama ialah cabaran kepada kewangan. Ini kerana untuk memulakan satu usaha dakwah, dia tidak boleh runcit-runcitan. Jika runcit runcitan...ia tidak akan dapat melawan taghut yang mempunyai kekuatan yang terancang..." - Khairudin

Atiq juga menambah, selain daripada sumber kewangan yang terhad, cabaran utama dakwah di Sarawak adalah faktor geografi Sarawak yang terlalu luas dan perjalanannya yang berliku. Beliau juga menambah, mencari niche area yang sesuai untuk golongan muda juga merupakan suatu tugas yang tidak mudah.

"Pada saya, kesukaran kita adalah mencari niche untuk menarik minat golongan muda. Faktor dalaman yang lain; kekangan kewangan menyebabkan program hanya pada skala kecil dan terhad. Sarawak ni

pula, luasnya... Keluasan negeri yang terlalu luas, susah kita nak cover semua dan travelling pun ambil masa. Bila awak sampai ke sesuatu tempat, lain kawasan lain cara mendekati masyarakatnya..."- Atiq

Izara, berkongsi tentang cabaran yang boleh dialami untuk menarik golongan muda menyertai aktiviti mendekati mereka kepada agama. Antaranya limitasi dari segi kreativiti untuk menarik minat aktiviti luar, kerana golongan belia hari ini menurut beliau, tidak sukakan aktiviti fizikal.

"Kreativiti untuk menarik minat berbanding aktiviti-aktiviti lain di luar (kebanyakan berbentuk sukan dan hiburan) terutama golongan-golongan muda belia yang lebih suka tanpa komitmen. Golongan yang tidak suka aktiviti fizikal, lebih cenderung untuk online..." - Izara

Ada juga responden mengatakan keadaan geografi yang luas menyebabkan faktor perjalanan bertambah. Perbezaan budaya dan bahasa yang disempadani batas geografi ini juga menjadi suatu cabaran menurut Mazri.

"Cabaran utama bagi kami adalah dari segi keluasan Sarawak yang besar. Dan memerlukan tenaga yang banyak bagi menyampaikan dakwah di seluruh Sarawak. Bukan itu sahaja cabaran dalam pelbagai bahasa dan budaya yang perlu di kuasai bagi memudahkan penyampaian dakwah dan interaksi dalam menyampaikan dakwah..."- Mazri

Apa yang menarik perhatian kita adalah, lima responden menjelaskan bahawa isu penghayatan agama yang kurang itu menjadi asas kepada cabaran utama aktiviti dakwah di Sarawak. Kita boleh lihat apabila Syahrul mengatakan bahawa masyarakat Sarawak agak sukar untuk menyampaikan kesedaran tentang keperluan dan tuntutan untuk berdakwah.

"Menyampaikan ilmu asas agama mungkin tidak sukar untuk difahami. Namun untuk menyampaikan tuntutan dakwah mungkin mencabar jika masyarakat masih bergelut dengan masalah-masalah asasi kehidupan seperti sara hidup dan keluarga..."- Syahrul

Isu cabaran dari segi penghayatan agama juga dibangkitkan oleh Marcel, yang mengatakan bahawa status agama yang sangat sensitif dan badan kerajaan yang banyak berdiam diri dalam isu berkaitan Islam di negeri ini menjadikan usaha dakwah seseorang itu tidak berkembang baik.

"Orang Islam tidak begitu berminat untuk menyertai program program dakwah, manakala pengembangan nilai-nilai Islam di luar masyarakat Islam agak kurang kerana di Sarawak mereka lebih sensitif akan isu ini..." - Marcel

Azmi dan Alisha juga sama pendapat mengatakan bahawa isu keagamaan adalah sangat sensitif. Menurutny,

"Islam minoriti di Sarawak, isu keagamaan adalah isu yang sangat sensitif di negeri ini. Kita berharap pihak kerajaan bersifat tegas dalam isu-isu yang mencabar agama Islam dan orang Islam di negeri ini. Cabaran lain saya rasa kurangnya asatizah daripada kalangan orang tempatan..."- Azmi

"Menjaga sensitiviti kaum. Di samping itu, orang Islam yang sedia Islam kurang melibatkan diri jika kerja-kerja dakwah itu memerlukan banyak berfikir dan strategi. Kurang kemahiran untuk mendekati yang bukan islam bagi memperkenalkan islam. Praktikal untuk dakwah tidak diaplikasikan sepenuhnya..."- Alisha

3.3 Keperluan untuk Membantu Penyampaian Dakwah Berkesan di Sarawak

Dalam memastikan dakwah di Sarawak berjalan dengan lancar dan berkesan, responden memberikan cadangan yang pelbagai dan bernas untuk dipertimbangkan oleh NGO ataupun agensi kerajaan. Syahrul dan Alisha, berpandangan bahawa pelatihan daie-daie yang memfokuskan amal mereka kepada pelaksanaan dakwah di Sarawak adalah sesuatu yang penting. Alisha dan Atiq menambah, melahirkan asatizah daripada kalangan etnik-etnik tertentu juga penting.

"Sarawak memerlukan lebih ramai daie-daie yang memfokuskan tenaga dan kerja mereka kepada pelaksanaan dakwah di Sarawak. Latihan dan kemahiran perlu siberi dan digilap bagi memastikan usaha ni dapat berjalan secara berterusan dan dapat bertahan dalam jangka masa yang panjang." - Syahrul

"Pelatihan asatizah/daie daripada kalangan orang tempatan adalah kunci utama untuk menyampaikan dakwah serta pelatihan asatizah daripada kalangan etnik-etnik tertentu juga penting..." - Alisha

Izara mencadangkan agar pelatihan daie ini menjurus kepada bengkel penyediaan modul mengikut tema-tema tertentu, lokaliti tempat dan sasaran umur. Beliau juga mencadangkan untuk diadakan kajian keperluan penduduk tempat untuk NGO dakwah menyediakan atau membantu masyarakat mencari solusi.

"Penyediaan bengkel atau modul mengikut tema, lokaliti tempat dan sasaran umur. Kajian keperluan penduduk tempat untuk menyediakan solusi kepada lokaliti masyarakat yang betul..." - Izara

Untuk memastikan pelatihan daie yang mantap, sudah tentu kewangan yang kukuh adalah sesuatu yang asas dan penting. Rata-rata responden berpandangan bahawa dana yang kukuh dan mandiri perlu untuk menyokong aktiviti-aktiviti pelatihan yang disebutkan tadi.

"Material ialah dari sudut kewangan dan pengangkutan. Ini kerana tanah sarawak yg luas memerlukan bajet yg lebih besar. Dari sudut sumber lain ialah sumber manusia..." - Khairudin

"Perlu dana yang banyak untuk program yang berimpak tinggi dan berterusan. Perlu kemahiran dalam ilmu ilmu adat bangsa2 di sarawak untuk lebih menarik hati mereka..." - Marcel

Selain itu, ada juga antara responden yang mencadangkan bahawa dakwah di Sarawak memerlukan bahan material yang berkesan, sesuai dengan arus pemodenan penyampaian informasi. Atiq mencadangkan perlu dicipta bahan untuk media terkini seperti Facebook, Instagram dan TikTok, selain melahirkan pempengaruh yang boleh membawa naratif dakwah Islam di Sarawak.

"Apa yang kita kurang sekarang adalah pempengaruh atau influencer... kita tiada individu yang mempunyai pengaruh dan pengikut yang ramai dalam masa yang sama mampu membawa idea-idea dakwah dalam masyarakat..." - Atiq

4.0 Perbincangan

Penyelidikan ini telah dilakukan untuk memahami cabaran dan keperluan aktiviti dakwah muaf di negeri Sarawak. Perspektif aktivis NGO Islam amat penting kerana mereka telah beramal di lapangan dakwah di Sarawak. Semua responden dalam penyelidikan ini mempunyai pengalaman dakwah yang agak panjang, dengan minimum tempoh sembilan tahun. Dari segi umur ketika bermula beramal dalam lapangan dakwah pula, rata-rata responden berumur 20 tahun ketika mula terlibat dan beramal.

Rata-rata responden mengatakan penghayatan Islam oleh orang Sarawak agak rendah jika dibandingkan dengan tempat-tempat lain di Malaysia. Walau bagaimanapun, responden mengulas lanjut bahawa tempat yang kurang penghayatan Islam tertumpu di bahagian pedalaman Sarawak, berbanding kawasan bandar. Di bandar, terdapat lebih banyak peluang untuk mengikuti kursus agama, seminar, dan bengkel yang boleh meningkatkan pengetahuan dan penghayatan Islam. Akses kepada institusi pendidikan agama dan pusat dakwah yang lebih banyak di bandar membantu individu untuk mendalami ajaran Islam dengan lebih mendalam. Situasi di bandar yang mempunyai lebih banyak sumber kewangan dan infrastruktur untuk menyokong aktiviti agama dan dakwah juga memberikan kelebihan berbanding penduduk Islam yang tinggal di luar bandar ataupun pedalaman. Latar belakang sosiodemografik penduduk yang berpendidikan lebih tinggi di bandar juga mewujudkan komuniti yang lebih mementingkan aspek keilmuan termasuklah penguasaan bidang agama.

Sumber kewangan yang terhad sering menjadi cabaran utama bagi aktivis NGO dalam menjalankan aktiviti dakwah (Ab Ghani et al., 2020). Di Sarawak, kekurangan dana mungkin menjadi penghalang bagi mereka untuk menyelenggara program-program dakwah yang berkualiti dan berkesan. Oleh itu, strategi pengumpulan dana yang efektif perlu dipertimbangkan, termasuklah penerokaan pelbagai sumber pembiayaan seperti sumbangan individu, institusi, atau kerajaan (Omar, 2019). Walaupun begitu, badan kutipan zakat negeri Sarawak iaitu Tabung Baitulmal Sarawak telah menyediakan dana bagi menampung aktiviti agama dan kebajikan umat Islam, termasuklah anjuran NGO, melalui inisiatif membangunkan institusi Islam telah banyak memainkan peranan untuk mendanai program-program dakwah ini (Tabung Baitulmal Sarawak, 2023). Oleh hal yang demikian, penekanan terhadap promosi bantuan dana ini perlu lebih tampak dan memerlukan libatsama yang strategik supaya dana untuk aktiviti dakwah ini dapat dioptimumkan.

Keperluan untuk memahami dan menyelaraskan dakwah dengan keperluan serta kefahaman masyarakat setempat amat penting. Pelatihan yang berfokus kepada memahami budaya tempatan dan keperluan mualaf serta penguasaan modul mualaf, adalah penting bagi meningkatkan keberkesanan dakwah (Adenan et al., 2020). Asatizah dan daie perlu dilengkapi dengan pengetahuan yang mencukupi mengenai agama serta kemahiran untuk berkomunikasi dengan berkesan. Ketidakupayaan dalam penguasaan bahasa, terutamanya dalam menyampaikan dakwah dalam bahasa yang difahami oleh masyarakat tempatan, boleh menjadi cabaran serius. Dalam konteks Sarawak yang pelbagai etnik dan bahasa, aktivis perlu mempunyai kemahiran berkomunikasi dalam pelbagai bahasa untuk berinteraksi secara efektif dengan pelbagai lapisan masyarakat (Yaakop et al., 2013). Basir (2023) menekankan akan suasana pendidikan yang kondusif, realistik, interaktif dan kolaboratif agar mualaf dapat membantu mualaf untuk mengadaptasi dengan cara hidup yang baharu. Dalam usaha menyampaikan dakwah, penting untuk mengenal pasti niche khas dan menarik bagi masyarakat setempat. Dalam menangani hal ini, penglibatan dan sumbangan intelektual dan permentoran daripada ilmuwan Islam yang memahami konteks masyarakat secara spesifik amat diperlukan seperti anjuran Said dan Sulaiman (2021). Dengan aset pengalaman yang mereka miliki, ia boleh dikongsikan kepada daie-daie baru agar mereka dapat menjalankan dakwah dengan lebih teratur dan tidak semberono.

Untuk menarik minat belia, dunia media sosial telah menjadi platform yang penting dalam menyebarkan maklumat dan mempengaruhi pendapat masyarakat. Dapatan kajian oleh Hilmi (2014) menunjukkan bahawa kehadiran pengengaruh yang berwibawa dan berpengetahuan dalam bidang agama Islam adalah penting. Mereka boleh membantu membawa naratif dakwah Islam yang positif dan bertanggungjawab di media sosial, menjurus kepada nilai-nilai Islam yang sejati serta membetulkan persepsi yang salah mengenai agama Islam (Mohamed Mokhtar & Hassan, 2021). Penguasaan strategi media ini juga dirasakan bersesuaian untuk menembusi komuniti pedalaman yang dibataskan oleh faktor muka bumi di Sarawak.

5.0 Kesimpulan

Penyelidikan ini mengenal pasti cabaran dan keperluan dakwah mualaf di Sarawak dari perspektif aktivis NGO Islam yang berpengalaman di lapangan (Yaakop et al., 2013). Dapatan menunjukkan penghayatan Islam lebih rendah di pedalaman kerana kurangnya akses kepada pendidikan agama dan infrastruktur dakwah. Sumber kewangan yang terhad merupakan cabaran utama, memerlukan strategi pengumpulan dana yang efektif. Pelatihan berfokus pada pemahaman budaya tempatan dan keperluan mualaf, serta penggunaan media sosial, adalah penting untuk meningkatkan keberkesanan dakwah. Pendekatan yang menyeluruh dan terintegrasi diperlukan untuk memperkukuh usaha dakwah di Sarawak.

Penghargaan

Penyelidikan ini telah dibiayai oleh Yayasan Ikhlas di bawah Geran Penyelidikan dan Pendidikan. Sekalung penghargaan kepada semua individu dan organisasi yang membantu menjayakan penyelidikan ini; Ybhg. Dr. Abdul Jabbar bin Abdullah (Ahli Majlis Islam Sarawak), Ybrs. Encik Awang Dulhadhi bin Awang Mat (Pengarah Pejabat YADIM Sarawak), Encik Fathurahman Othman (Ketua Operasi Wilayah, Hidayah Centre Foundation), Ybrs. Encik Mohammad Afiq Shazwan bin Abdul Samat (Pengarah Institut Kajian Borneo), Ybrs. Encik Zainizam bin Zawawi (YDP ISMA Samarahan), Ybrs. Encik Hafeez bin Morni (YDP ISMA Kuching), Ybrs. Dr. Mohd. Naqib bin Ahmad Napis (YDP ISMA

Petra Jaya), Ybrs. Dr. Mohd. Naqib bin Ahmad Napis (YDP ISMA Petra Jaya), Ybrs. Encik Muhammad Syafiq bin Muhammad (Ketua Zon, ISMA Bintulu), ahli jawatankuasa ANSAR serta para responden yang telah menyertai penyelidikan ini.

Rujukan

- Ab Ghani, S. R., Omar, R., Mat Enh, A., & Kamarudin, R. (2020). Peranan koperasi dalam dakwah ekonomi gerakan Islam di Malaysia sehingga tahun 2019. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities* 23, 84-110.
- Adenan, F., Mat Rani, M. A., Mohd Arif, M. I. A., Bahari, A., Mohd Arshad, A., & Siti Afifah Md Rani, S. A. (2020). Analisis Modul Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Kelas Pengajian Mualaf di Pusat Perlindungan Baitus Salam Selangor. *Jurnal Kesidang*, 5(1), 19-30.
- Basir, M. Z. K. (2023). Kesepaduan Model Bimbingan Al-Ghazali Dan Ibnu Khaldun Dalam Pelaksanaan Program Dakwah Mualaf. *Borneo Islamic International Conference*.
- Goh, P. P. (2018, Februari 27). Permohonan 4 individu dibatalkan. *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/02/393452/permohonan-4-individu-dibatalkan>
- Hilmi, E. E. (2014). Peranan tekno daie dalam berdakwah di era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspectives*.
- Jaffar, M. S., & Awang, J. (2020). Kehidupan Beragama Masyarakat Islam di Daerah Bau, Sarawak: Hubungannya dengan Penganut Agama Lain. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(1), 1-10.
- Kawi, K., & Abdullah, N. A. M. T. (2020). Isu dan Cabaran Saudara Kita di Jabatan Agama Islam Sarawak. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 3(2), 28-43.
- Mohamed Mokhtar, M. M., & Hassan, H. (2021). Penggunaan media sosial sebagai medium dakwah Islam dalam kalangan penduduk Kampung Beserah, Kuantan, Pahang. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 11(1), 90-107.
- Mohd. Yaakop, N. A., Halim, N. F., Musa, M. S., & Johori, M. R. (2013). Tekno-daie: peranan & cabaran daie di alam maya. *Persidangan Bicara Dakwah Kali ke-14 FPPI, UKM*.
- Omar, P. M. F. F. A. (2019). Analisis prestasi kecekapan agihan zakat: Kajian di tabung Baitulmal Sarawak. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*(1), 60-78.
- Said, N. H. I. M., & Sulaiman, M. (2021). Kepentingan Program Realiti Televisyen Islam Sebagai Mekanisma Dakwah Kontemporari di Malaysia: The Importance of Islamic Reality Television Programmes as A Mechanism of Contemporary Da'wah in Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*, 21-35.
- Tabung Baitulmal Sarawak. (2023). Program Membangun Institusi Islam. Retrieved from <https://www.tbs.org.my/www/?page=105>
- Tamuri, A. H. (2021). Falsafah pendidikan Islam dalam kalangan mualaf. *Prosiding Sistem Pendidikan Islam (Mualaf) di Malaysia. Konvensyen Pendidikan Tinggi Islam Mualaf di Malaysia, Institut Pendidikan Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS)*.